



MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

**KERAJAAN BERJAYA MENGHARUNGI CABARAN EKONOMI PASCA
COVID-19**

1. Pandemik COVID-19 melanda negara pada awal tahun 2020 menyebabkan krisis kesihatan dan ekonomi negara yang belum pernah berlaku sebelum ini. KDNK negara bagi tahun 2020 menguncup sebanyak 5.5%, iaitu penguncupan paling besar sejak Krisis Kewangan Asia pada tahun 1998.
2. 8 pakej rangsangan ekonomi bernilai RM530 bilion telah dilaksanakan pada tahun 2020 dan 2021 untuk memastikan kelangsungan perniagaan dan meringankan beban rakyat Malaysia yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.
3. Langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam melaksanakan pakej rangsangan dan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur telah mengurangkan impak besar daripada krisis ini dan juga menyokong pemulihan semula pertumbuhan ekonomi. Ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.1%.
4. Kejayaan program imunisasi COVID-19 negara (PICK) membolehkan Kerajaan membenarkan pergerakan rentas negeri bermula 11 Oktober 2021. Ekonomi negara terus mengukuh pada tahun 2022 di mana KDNK negara bagi suku kedua 2022 mencatat pertumbuhan 8.9%, lebih tinggi berbanding 5.0% yang dicatat pada suku pertama

2022. Pertumbuhan ekonomi suku kedua adalah tertinggi di ASEAN dan lebih tinggi berbanding beberapa negara maju dan serantau:

- China: 0.4%;
- Amerika Syarikat: 1.6%;
- Korea: 2.9%;
- EU: 4.0%;
- Singapura: 4.4%;
- Indonesia: 5.4%;
- Filipina: 7.4%.

5. Ekonomi negara dijangka mampu mencapai sasaran di antara 5.3% hingga 6.3%. Ini mengambil kira pencapaian separuh pertama tahun 2022 sebanyak 6.9%. Beberapa petunjuk utama ekonomi negara turut mencatatkan prestasi yang baik seperti berikut:
 - i. *Purchasing Managers' Index* (PMI) terus melepas paras nilai ambang, iaitu 50.3 pada bulan Ogos 2022;
 - ii. Jumlah jualan kenderaan penumpang dan komersial meningkat 271.7% kepada 66,614 unit pada bulan Ogos (Jan-Ogos 2022: 62.8%);
 - iii. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) melonjak tinggi 12.5% pada Julai 2022 (Jan-Julai 2022: 6.6%);
 - iv. Nilai jualan sektor pembuatan bulan Julai 2022 meningkat 23.8% atau RM148.4 bilion, tertinggi sejak Mei 2021 (Jan-Julai 2022: RM1,007.2 bilion);
 - v. Jualan perdagangan borong dan runcit meningkat 41% atau RM130.7 bilion pada bulan Julai 2022 (Jan-Julai 2022: RM882.2 bilion); dan

vi. Jumlah ketibaan pelancong meningkat kepada 3.2 juta pelancong bagi Jan-Jui 2022.

Inflasi

6. Kenaikan harga merupakan satu fenomena global yang turut dialami oleh kebanyakan negara. Inflasi Malaysia meningkat sebanyak 2.8% bagi tempoh Januari-Julai 2022, selari dengan sasaran Bank Negara Malaysia, iaitu di antara 2.2% - 3.2% bagi tahun 2022. Bagi bulan Julai 2022, Malaysia mencatatkan kadar inflasi 4.4%, lebih rendah berbanding beberapa negara serantau dan negara iaitu:

- United Kingdom (10.1%);
- Zon Euro (8.9%);
- Amerika Syarikat (8.5%);
- Thailand (7.6%);
- Singapura (7.0%);
- Filipina (6.4%);
- Republik Korea (6.3%); dan
- Indonesia (4.9%).

7. Kadar peningkatan harga lebih rendah di Malaysia adalah hasil daripada pelbagai langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan seperti mengekalkan subsidi, menetapkan harga siling bagi beberapa barang, meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dan menubuhkan Pasukan Jihad Tangani Inflasi.

Kadar Pengangguran

8. Kadar pengangguran di Malaysia terus menurun. Kadar pengangguran mencatat 3.7%, iaitu menghampiri paras pra-pandemik. Pencapaian ini adalah jauh lebih baik berbanding dengan 4.6% yang dicatatkan pada tahun 2021 dan 5.3% pada bulan Mei 2020.
9. Kadar pengangguran dijangka akan terus menurun secara beransur-ansur bagi bulan-bulan yang akan datang.

Kadar Pertukaran Mata Wang Asing

10. Secara umumnya, mata wang bagi kebanyakan negara telah menyusut berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat (AS\$) disebabkan pengukuhan nilai matang wang AS\$ berikutan peningkatan kadar faedah dasar yang agresif oleh *Federal Reserve*. Sejak 3 Januari 2022, nilai mata wang AS\$ berbanding dengan mata wang utama dunia telah meningkat kira-kira 14%.
11. Bagi tempoh 3 Januari 2022 sehingga 20 September 2022, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 9.2%. Walau bagaimanapun, Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang menghadapi penyusutan nilai mata wang. Beberapa nilai mata wang bagi negara lain di rantau ini turut mengalami penyusutan yang lebih besar daripada ringgit Malaysia adalah seperti berikut:
 - i. Yen Jepun (-24.6%);
 - ii. Won Korea (-16.6%);
 - iii. Renminbi (-10.1%);
 - iv. Peso Filipino (-12.1%); dan
 - v. Baht Thai (-11.1%)

12. Walau bagaimanapun, nilai ringgit Malaysia telah mengukuh berbanding dengan beberapa nilai mata wang asing seperti berikut:

- i. Yen Jepun (13.9%);
- ii. Won Korea (7.0%);
- iii. Baht Thai (2.0%) dan
- iv. Renminbi China (1.0%).

Perdagangan dan Pelaburan

13. Jumlah perdagangan meningkat 33.1% kepada RM1.87 trilion bagi tempoh Jan-Ogos 2022 berbanding RM1.41 trilion pada tahun sebelumnya. Eksport meningkat sebanyak 30.3% kepada RM1.0 trilion (Jan-Ogos 2021: RM778.5 bilion). Malaysia mencatat lebihan dagangan sebanyak RM155.6 bilion berbanding dengan RM150.1 bilion pada tempoh sama tahun 2021.

14. Malaysia kekal sebagai destinasi menarik untuk pelaburan langsung asing (FDI) dengan mencatat aliran masuk bersih FDI lebih tinggi sebanyak RM41.7 bilion pada Jan-Jun 2022 (Jan-Jun 2021: RM20.2 bilion). FDI yang diluluskan oleh MIDA mencatat RM87.5 bilion bagi separuh tahun pertama, lebih tinggi berbanding dengan RM86.7 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2021.

Kesimpulan

15. Unjuran pertumbuhan ekonomi dunia pada 2022 dan 2023 oleh pertubuhan antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF telah disemak semula dan diturunkan. IMF telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia kepada 3.2% bagi tahun 2022 pada bulan Julai berbanding dengan 3.6% pada April, dan 4.4% pada

Januari 2022. Bagi tahun 2023, unjuran pertumbuhan ekonomi dunia telah diturunkan daripada 3.8% pada Januari 2022 kepada 2.9% pada Julai 2022.

16. Pengurusan ekonomi negara pada tahun 2022 dijangka akan lebih mencabar. Walau bagaimanapun, ekonomi Malaysia masih berada di landasan yang kukuh disokong oleh asas ekonomi yang berdaya tahan, dasar-dasar yang pragmatik dan kepelbagaian struktur ekonomi.
17. Belanjawan tahun 2023 yang akan dibentangkan di Parlimen pada 7 Oktober 2022 akan terus memberi tumpuan kepada mengukuhkan momentum pemulihan ekonomi negara. Ini adalah bagi menjana pertumbuhan yang lebih mampan dalam jangka masa panjang dan memastikan Keluarga Malaysia yang makmur dan sejahtera.

DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

PUTRAJAYA

20 SEPTEMBER 2022